# KERAJAAN NEGERI KELANTAN

## PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/99

**PINDAAN KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966 :-**

**1. PENGENALAN CAJ TAMBAHAN BERHUBUNG DENGAN PENGELUARAN PERMIT BATU-BATAN DI LUAR WAKTU PEJABAT/HARI BEKERJA**

**2. PENGENAAN ROYALTI BARANGAN SIAP HASIL DARI PEMPROSESAN BAHAN BATUAN YANG DIKELUAR, DIPINDAH, DIANGKAT DAN DIPROSES DALAM SEMPADAN TANAH YANG SAMA**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan pada persidangannya kali ke 19/98 pada 7hb. Oktober 1998 dalam menimbangkan Kertas Bilangan 19/721/98 telah bersetuju membuat pindaan yang melibatkan Butiran 58, Butiran 59 dan Butiran 71 pada Kaedah 21 serta pemasukan Kaedah 21A dalam Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966, sebagaimana **Lampiran 'A'** .

2. Sebelum pindaan ini, permit dan caj-caj yang dikenakan untuk mengeluar dan memindahkan batu-batan di luar waktu pejabat/hari bekerja adalah sama dengan permit dan caj-caj yang digunakan di dalam waktu pejabat dan pada hari-hari bekerja biasa.

3. Sebelum pindaan ini juga, pungutan royalti bahan batuan dikenakan terhadap pemindahan bahan batuan dari satu sempadan tanah ke satu sempadan tanah yang lain di mana akan berlaku kekurangan hasil bagi Kerajaan Negeri sekiranya bahan batuan tersebut dikeluar, dipindah, diangkut dan diproses dalam sempadan tanah yang sama dan hanya dibawa keluar dari sempadan tanah tersebut dalam bentuk barangan siap.

4. Pindaan ini membolehkan :

   4.1. dikenakan caj tambahan terhadap pengeluaran permit bahan-batuan diluar waktu pejabat/hari bekerja dan,

   4.2. dikenakan royalti terhadap barangan siap hasil dari pemprosesan bahan batuan yang dikeluar, dipindah, diangkut dan diproses dalam sempadan tanah yang sama.

5. Pindaan sebagaimana di para 4.1. di atas membolehkan pengusaha-pengusaha menjalankan kerja-kerja pengeluaran dan pemindahan bahan batuan di luar waktu pejabat/hari bekerja.

   5.1 Dengan pindaan ini, kerja-kerja bagi menyiapkan projek-projek kerajaan dan juga swasta akan dapat disiapkan dengan lebih cepat sekaligus membolehkan orang awam dan pihak-pihak yang berkenaan menikmati manfaat dari projek-projek tersebut dengan lebih segera atau sekurangnya menepati jadual.

   5.2 Dengan pindaan ini juga akan menambah hasil pendapatan Kerajaan Negeri dari kadar pungutan royalti yang lebih tinggi di luar waktu pejabat/hari bekerja berbanding kadar pungutan royalti yang sedia ada disamping penambahan hasil dari perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti bayaran permit baru yang lebih tinggi serta jualan buku doket khas yang lebih tinggi sebagaimana butiran berikut :-

      5.2.1. Bayaran permit untuk kerja-kerja di luar waktu pejabat dan hari bekerja adalah RM15.00 berbanding RM10.00 bagi permit pada hari-hari bekerja biasa iaitu 50% lebih tinggi.

5.2.2. Kadar royalti untuk kerja-kerja di luar waktu pejabat dan hari bekerja yang dikenakan adalah 50% lebih tinggi dari kadar pada hari-hari bekerja biasa.

5.2.3. Harga buku doket khas untuk kerja-kerja di luar waktu pejabat dan hari-hari bekerja adalah RM 4.00 (50 keping) dan RM 2.00 (25 keping) berbanding RM 2.00 dan RM 1.00 bagi harga buku doket pada hari-hari bekerja biasa iaitu 100% lebih tinggi.

6. Pindaan sebagaimana di para 4.2. di atas adalah :-

6.1. Supaya royalti tidak dikenakan ke atas pengusaha barangan siap yang membeli bahan batuan mentah yang telahpun dibayar royalti untuk diproses bagi mengelakkan kenaikan harga yang tidak wajar pada barangan siap tersebut dan

6.2. Supaya pengusaha yang mengeluarkan bahan batuan mentah seterusnya memindah, mengangkut dan memproses bahan batuan mentah itu dalam sempadan tanah yang sama dan hanya mengeluarkan bahan batuan tersebut daripada sempadan tanah itu dalam bentuk barangan siap tidak terlepas dari pembayaran royalti.

6.3. Bagi mengelakkan barangan siap seperti batu kapur (lime), bata (brick), dan ubin (tile) daripada dikenakan royalti dua kali setelah royalti dikenakan ke atas bahan mentahnya iaitu batu kapur (limestone) dan tanah (earth), maka adalah wajar ketiga-tiga barangan siap tersebut tidak disenaraikan dalam Kaedah 21 Butiran 59 KTK sebaliknya dimasukkan peruntukan baru dalam Butiran 59 tersebut supaya barangan-barangan siap yang diproses dalam sempadan tanah yang sama adalah dikenakan royalti mengikut kadar royalti bahan batuan mentah.

7. Selaras dengan pindaan ini, bagi kerja-kerja pemindahan bahan batuan di luar waktu pejabat/hari bekerja, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan Permit Khas tersebut iaitu Permit dalam Borang 4C KTN 1965 yang biasa dan mengeluarkan Doket Khas tersebut iaitu Doket dalam Jadual 13 KTK 1966 yang biasa cuma dicopkan dan diendorskan di atas kedua-duanya :-

"Pemindahan Bahan Batuan Di Luar Waktu Pejabat/Hari Bekerja"

Bayaran Permit, Royalti dan Buku Doket adalah seperti di para 5.2. di atas, dan maksud di luar waktu pejabat/hari bekerja adalah hari Jumaat, Sabtu, hari kelepasan am dan sebelum jam 8.00 pagi dan selepas jam 5.00 petang pada hari-hari bekerja biasa.

8. Penukaran volume barangan siap kepada sukatan bersesuaian dengan sukatan bahan batuan mentahnya boleh dibuat berasaskan pecahan spesifikasi teknikal barangan tersebut. Royalti akan dikenakan ke atas peratusan bahan batuan pada barangan siap tersebut. Beberapa contoh yang melibatkan barangan konkrit adalah seperti di **Lampiran B**.

9. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

**t.t**
**( Md.Yusof Bin Noh)**
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

**KEPADA**

YABrs Semua Pentadbir Tanah Jajahan
Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABrs Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**NEGERI KELANTAN**
**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**
**15576 KOTA BHARU**
**FAIL : PTG.KN.4485/(99)**
**BERTARIKH : 06 SYAWAL 1419H**
**24 JANUARI 1999**

**LAMPIRAN A**

# KANUN TANAH NEGARA 1965
# KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN (PINDAAN) 1998

| | |
|---|---|
| Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 14, Kanun Tanah Negara 1965, Pihak Berkuasa Negeri membuat Kaedah-Kaedah seperti berikut :- | Akta 56, tahun 1965. |
| 1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan (Pindaan) 1998. | Nama |
| 2. Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966, yang disebut "Kaedah-Kaedah Ibu" dalam Kaedah-Kaedah ini, adalah dipinda : | Pindaan Kaedah 21 |

(a) dengan menggantikan butiran 58 dengan yang berikut :

| | | | |
|---|---|---|---|
| 58. | Application for permit to remove rock material | 69 & 70 | |
| | (a) Sunday-Thursday 8.00 am – 5.00 pm per application | | RM 10.00 |
| | (b) Sunday-Thursday other than the time mentioned in (a), Friday, Saturday and Public Holiday Per application. | | RM 15.00 |

(b) dengan menggantikan butiran 59 dengan yang berikut :

59. Fee for removal of rock material : 70 40

| | | State (+) | Land (*) | Alienated (+) | Land (*) | State/Alienated (+) | Land (*) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| a) | earth, per cubic metre | RM2.00 | RM3.00 | RM1.50 | RM2.30 | | |
| b) | laterite, per cubic metre | RM2.00 | RM3.00 | RM1.50 | RM2.30 | | |
| c) | loam, per cubic metre | RM2.00 | RM3.00 | RM1.50 | RM2.30 | | |
| d) | clay, per | RM2.00 | RM3.00 | RM1.50 | RM2.30 | | |
| e) | sand, per cubic metre | | | | | RM2.00 | RM3.00 |
| f) | coral, per cubic metre | | | | | RM3.00 | RM4.50 |
| g) | shell, per cubic metre | | | | | RM3.00 | RM4.50 |
| h) | limestone, per cubic metre | | | | | RM2.50 | RM3.80 |
| i) | turf, persquare metre | | | | | RM0.70 | RM1.10 |
| j) | guano, per 100kg | | | | | RM4.00 | RM6.00 |
| k) | rock, stone or granite in any form, per metric ton | RM1.60 | RM2.40 | RM1.20 | RM1.80 | | |
| l) | marble, per cubic metre | | | | | RM5.40 | |

(+: Sunday-Thursday)
8.00 am – 5.00pm

(* : Sunday-Thursday)
other than time mentioned
in (+), Friday, Saturday and
public holiday)

Provided that the fee payable as regards to commodities from the above rock material manufactured on the same land shall be the same as those of the raw rock materials used with extra payment of 10% charged for wastage (raw rock materials extrancted but not forming a component of the said commodities)".

(c) dengan menggantikan butiran 71 dengan yang berikut :

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 71. | (a) | Sale of Docket (a book of 50 sheets in triplicate | 70 | Schedule 13 | RM2.00 per book (ordinary docket) RM4.00 per book (special docket) |
| | (b) | Sale of Docket (a book of 25 sheets in | 70 | Schedule 13 | RM1.00 per book (ordinary docket) RM2.00 per book" |

(2) Kaedah-Kaedah itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Kaedah baru 21A sahaja Kaedah 21, Kaedah baru 21A seperti berikut :

"21A. Any application for extraction and removal of rock material outside working hours and days shall be made to Land Administrator and upon approval, the Land Administrator shall issue such permit with necessary endorsement and shall cause the issuance of a special docket for that purpose".

Diperbuat pada: 12hb. Ogos, 1998
[Fail : PTG.TF.8/6/SJ1(7)]

**SETIAUSAHA**
**MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN**
**KELANTAN**

**LAMPIRAN B**

# SPESIFIKASI TEKNIKAL BARANGAN KONKRIT

| | Barangan Konkrit | Spesifikasi Teknikal | | | Spesifikasi Design |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Cement (kg) | Agg | Sand (kg) | |
| **1.** | **Ready-Mixed Concrete** | | | | |
| | Grade 15/m3 | 220 | 1,000 | 950 | Design by Solis & Materials Laboratory (M) Sdn.Bhd |
| | Grade 20/m3 | 280 | 990 | 950 | |
| | Grade 25/m3 | 310 | 990 | 880 | |
| | Grade 30/m3 | 340 | 995 | 845 | |
| | Grade 35/m3 | 375 | 995 | 815 | |
| | Grade 40/m3 | 415 | 1,000 | 770 | |
| | Grade 45/m3 | 450 | 1,000 | 725 | |
| | Grade 50/m3 | 490 | 1,005 | 685 | |
| **2.** | **Reinforced Concrete** | | | | |
| | Piles | | | | |
| | JKR Class One | | | | |
| | 400 mm x 400 mm x 12 m | 810 | 1,950 | 1,500 | ILP-1-91 |
| | 9 m | 610 | 1,440 | 1,200 | |
| | 6 m | 410 | 960 | 800 | |
| | 3 m | 210 | 480 | 400 | |
| | 350 mm x 350 mm x 12 m | 620 | 1,470 | 1,140 | |
| | 9 m | 470 | 1,110 | 860 | |
| | 6 m | 310 | 740 | 570 | |
| | 3 m | 160 | 370 | 290 | |
| | 300 mm x 300 mm x 12 m | 470 | 1,120 | 870 | |
| | 9 m | 360 | 840 | 650 | |
| | 6 m | 240 | 560 | 440 | |
| | 3 m | 120 | 280 | 220 | |
| | 250 mm x 250 mm x 12 m | 324 | 770 | 590 | |
| | 9 m | 240 | 570 | 440 | |
| | 6 m | 160 | 380 | 300 | |
| | 3 m | 80 | 190 | 150 | |
| | 200 mm x 200 mm x 6 m | 101 | 240 | 190 | |
| | 3 m | 52 | 130 | 100 | |

| | Barangan Konkrit | Spesifikasi Teknikal | | | Spesifikasi Design |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Cement (kg)** | **Agg** | **Sand (kg)** | |
| **3.** | **PTCI Design** | | | | |
| | 400 mm x 400 mm x 12 m | 810 | 1,950 | 1,500 | PTCI Design |
| | 9 m | 610 | 1,440 | 1,200 | |
| | 6 m | 410 | 960 | 800 | |
| | 3 m | 210 | 480 | 400 | |
| | 380 mm x 380 mm x 12 m | 730 | 1,740 | 1,340 | |
| | 9 m | 550 | 1,300 | 1,000 | |
| | 6 m | 370 | 870 | 670 | |
| | 3 m | 190 | 440 | 340 | |
| **4.** | **Reinforced Concrete Piles** | | | | |
| | **PTCI Design** | | | | |
| | 350 mm x 350 mm x 12 m | 620 | 1,470 | 1,140 | |
| | 9 m | 470 | 1,110 | 860 | |
| | 6 m | 310 | 740 | 570 | |
| | 3 m | 160 | 370 | 290 | |
| | 300 mm x 300 mm x 12 m | 470 | 1,120 | 870 | |
| | 9 m | 360 | 840 | 650 | |
| | 6 m | 240 | 560 | 440 | |
| | 3 m | 120 | 280 | 220 | |
| | 250 mm x 250 mm x 12 m | 324 | 770 | 590 | |
| | 9 m | 240 | 570 | 440 | |
| | 6 m | 160 | 380 | 300 | |
| | 3 m | 80 | 190 | 150 | |
| | 200 mm x 200 mm x 6 m | 101 | 240 | 190 | |
| | 3 m | 52 | 130 | 100 | |
| | 150 mm x 150 mm x 6 m | 59 | 140 | 110 | |
| | 3 m | 30 | 70 | 55 | |
| **5.** | **Spun Concrete Pipes** | | | | |
| | 450mm Class S | 32 | 87 | 75 | |
| | X | 32 | 87 | 75 | |
| | Y | 38 | 105 | 90 | |

| | Barangan Konkrit | Spesifikasi Teknikal | | | Spesifikasi Design |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Cement (kg)** | **Agg** | **Sand (kg)** | |
| **6.** | **Spun Concrete Pipes** | | | | |
| | 600mm Class S | 49 | 136 | 117 | MS881:Part 3:1991 |
| | X | 49 | 136 | 117 | |
| | Y | 57 | 156 | 134 | |
| | 750mm Class S | 70 | 192 | 164 | |
| | X | 70 | 192 | 164 | |
| | Y | 83 | 228 | 196 | |
| | 900mm Class S | 83 | 229 | 194 | |
| | X | 83 | 229 | 194 | |
| | Y | 105 | 291 | 247 | |
| | 1050mm Class S | 121 | 336 | 285 | |
| | X | 121 | 336 | 285 | |
| | Y | 154 | 426 | 362 | |
| | 1200mm Class S | 137 | 393 | 313 | |
| | X | 137 | 393 | 313 | |
| | Y | 179 | 511 | 406 | |
| | 1350mm Class S | 184 | 526 | 419 | |
| | X | 184 | 526 | 419 | |
| | Y | 220 | 630 | 501 | |
| | 1500mm Class S | 223 | 638 | 508 | |
| | X | 223 | 638 | 508 | |
| | Y | 263 | 752 | 599 | |
| | 1800mm Class S | 329 | 942 | 750 | |
| | X | 329 | 942 | 750 | |
| | Y | 405 | 1,159 | 923 | |
| **7.** | **Ready-Mixed Concrete** | | | | |
| | Grade 15 | 185 | 875 | 900 | |
| | Grade 20 | 265 | 990 | 875 | |
| | Grade 25 | 295 | 990 | 850 | |
| | Grade 30 | 325 | 990 | 825 | |
| | Grade 35 | 355 | 990 | 800 | |
| | Grade 40 | 405 | 990 | 780 | |
| | Grade 45 | - | - | - | |
| | Grade 50 | 460 | 700 | 1,020 | |

| | Barangan Konkrit | Spesifikasi Teknikal | | | Spesifikasi Design |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **Cement (kg)** | **Agg** | **Sand (kg)** | |
| 8. | Spun Concrete Pipes<br>MS 881/BS 5911/AS 1342 | 350 | 900 | 600 | - |
| 9. | Precast Reinforced Concrete Box Culverts AS 1597 | 322 | 700 | 700 | - |
| 10. | Precast Reinforced Concrete Open Drains<br>-In House Technical Spec. | 322 | 700 | 700 | - |
| 11. | Prestressed Spun Concrete Pole JIS A 5309 | 560 | 860 | 730 | - |
| 12. | Reinforced Concrete Septic Tanks To MS 881 | 350 | 700 | 700 | - |
| 13. | Precast JPS U-Drains<br>JPS Spec. | 320 | 700 | 700 | - |